

23 JUL 1996

Seminar - Undang-undang

PINDA PERLEMBAGAAN UNTUK BERI KUASA KEPADA MAKAMAH SYARIAH

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Proesorf Undang-undang yang terkemuka Prof Tan Sri Ahmed Mohamad Ibrahim hari ini mencadangkan supaya Perlembagaan Persekutuan dan Negeri dipinda untuk memasukkan Undang-undang Islam demi mempertingkatkan kedudukan dan status Mahkamah Syariah.

Dekan Kulliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA) itu berkata pindaan terhadap definisi undang-undang juga harus mengadakan peruntukan bagi Mahkamah Syariah, para hakim dan badan Kehakiman serta Perkhidmatan Perundangan Syariah.

Ahmed berkata demikian dalam kertas kerja "Perkembangan Mutakhir dalam Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia" yang dibentangkan pada Seminar Antarabangsa mengenai Pentadbiran Undang-undang Islam di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan seminar dua hari itu yang dihadiri oleh lebih 200 peserta tempatan dan asing.

"Bidang kuasa Mahkamah Syariah hendaklah diperluas dengan antara lain kuasa diberi kepada para pegawai penguatkuasa Negeri bagi menjalankan kuasa menangkap dan menyiasat sementara Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk menangani kes Qisas, Diyat dan Hudud," kata beliau.

Ahmed berkata di samping memperkemas dan meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah, undang-undang sivil juga perlu dikaji dan menghapuskan mana-mana percanggahan dengan Undang-undang Islam.

Beliau berkata, pada masa ini, kedudukan Mahkamah Syariah dianggap lebih rendah daripada mahkamah sivil memandangkan Mahkamah Syariah ialah Mahkamah Negeri.

"Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah sekarang berhubung dengan status dan bidang kuasa serta pelantikan dan tempoh jawatan hakim dan pegawai dapat diatasi jika mahkamah itu dijadikan Mahkamah Persekutuan seperti mahkamah sivil," tambah beliau.

Mereka yang berceramah pada seminar anjuran IKIM ialah Hakim Besar mahkamah Syariah Pakistan, Nazir Ahmad Bhatti yang membentangkan kertas kerja mengenai "Pentadbiran Undang-undang Islam di Pakistan" dan Menteri Kehakiman Arab Saudi Dr Abdullah Muhammad. -- BERNAMA

RAZ FAZ